

“Musuh dari Gunung”: Penelitian Semula Terhadap Kedudukan Hizbul Muslimin dalam Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu

“*Enemy from the Mountain*”: Re-Examination of the Position of Hizbul Muslimin in the Malaya’s History of Independence Struggle

ABU HANIFAH HARIS

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
E-mail: abuhanifah@um.edu.my

Published online: 26 May 2025

To cite this article: Abu Hanifah Haris. 2025. “Musuh dari gunung”: Penelitian semula terhadap kedudukan Hizbul Muslimin dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(1): 193–214. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.10>

Abstract. *Hizbul Muslimin (HM) is a movement often labelled as a “left-wing” and supporting the communist ideology. Several questions frequently arise in relation to HM, leading to inaccurate interpretations, like supporting the communist ideology and not fighting for independence and the arrest of their leaders due to the declaration of emergency, apart from being banned by the British. However, recent British records have led to the emergence of alternative views in answering the question. This study aims to re-examine HM’s position in Malaya’s history of independence struggle. A qualitative approach, using a library research method, was adopted by examining various primary sources and secondary sources. The findings indicate that the more appropriate label for HM is a religious movement that functioned as a middle movement and adopted a strategy of cooperating with “right-wing” and “left-wing” movements. HM also rejected the communist ideology; in fact, their cooperation with the communists was just to get rid of the British. The arrest of their leaders was a double-edged sword for the British to continue their colonialism in Malaya and curb the anti-British struggle. HM was also never banned, but was instead dissolved by its own leaders.*

Keywords and phrases: *Hizbul Muslimin, Maahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunung Semanggol, Abu Bakar al-Baqir, Malaya*

Abstrak. Hizbul Muslimin (HM) merupakan sebuah pertubuhan yang sering dilabel sebagai gerakan “kiri” dan menyokong ideologi komunis. Beberapa persoalan yang sering timbul berkaitan HM sehingga menimbulkan tafsiran yang kurang tepat adalah seperti menyokong ideologi komunis dan tidak memperjuangkan kemerdekaan serta penangkapan pemimpinnya yang disebabkan oleh pengisytiharan darurat, selain telah diharamkan oleh British. Namun demikian, bukti terkini daripada rekod British mengakibatkan kemunculan pandangan alternatif bagi menjawab persoalan tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti semula kedudukan HM dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian kepustakaan dengan meneliti pelbagai sumber primer dan sumber sekunder. Kajian menunjukkan bahawa HM lebih sesuai dilabel sebagai gerakan agama yang berfungsi sebagai gerakan tengah dan menggunakan strategi bekerjasama dengan gerakan “kanan” dan gerakan “kiri”. HM juga menolak ideologi komunis, bahkan kerjasama dengan komunis hanyalah satu bentuk strategi politik bagi menyingkirkan British. Penangkapan pemimpin HM pula merupakan serampang dua mata British bagi meneruskan kelangsungan penjajahan mereka di Tanah Melayu serta mengekang perjuangan anti-British. HM juga tidak pernah diharamkan, sebaliknya dibubarkan oleh pemimpin mereka sendiri.

Kata kunci dan frasa: Hizbul Muslimin, Maahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunung Semanggol, Abu Bakar al-Baqir, Tanah Melayu

Pengenalan

Tempoh selepas tahun 1945 sering dianggap oleh ramai sarjana sebagai tempoh yang getir dan penting dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, iaitu sejurus selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua (Stockwell 1979; Abdul Rahman 2009; Azmi 2014; 2019). Hal ini menyaksikan kemunculan pertubuhan politik Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945 serta pertubuhan yang bernaung di bawahnya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) serta Angkatan Wanita Sedar (AWAS), diikuti United Malay National Organization (UMNO) pada tahun 1946, dan terakhir ialah Hizbul Muslimin (HM) pada tahun 1948. Selain UMNO, semua pertubuhan tersebut berjuang bagi mencapai kemerdekaan bukan dengan cara bekerjasama dengan British sehingga dilabel sebagai gerakan “kiri”. UMNO pula merupakan pertubuhan tunggal yang mengambil keputusan bekerjasama dengan British dalam rangka mencapai kemerdekaan, bahkan kekal dengan slogan “Hidup Melayu” sehingga tahun 1951 sebelum bertukar kepada slogan “Merdeka”. Berbanding gerakan kiri lain, HM bukan sahaja merupakan gerakan kiri yang paling muda, tetapi juga berjuang atas ideologi agama Islam dengan matlamat akhir menuju negara Islam setelah kemerdekaan dicapai. Pengaruh yang ada pada HM inilah yang menyebabkan pemimpin UMNO iaitu Dato’ Onn Jaafar pernah memberi amaran kepada orang Melayu iaitu “hubaya-

hubaya musuh turun dari gunung” agar orang Melayu tidak mendekatinya (*Utusan Melayu* 1948a).

HM merupakan parti politik Islam yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1948. HM bermaksud “Parti Orang Islam Malaya” atau “Parti Orang-Orang Muslimin Malaya”. Nama tersebut dipilih sempena perkataan *hizbulullah* (golongan Allah) yang terdapat dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Mujadilah, ayat 22. Daripada perkataan *hizbulullah* itulah munculnya nama “Hizbul Muslimin” (Nabir 1976, 169). Nama tersebut kemudian telah dipersetujui oleh majoriti hadirin yang hadir dalam mesyuarat di Maahad al-Ihya’ al-Syarif,¹ Gunung Semanggol, Perak pada 14 Mac 1948 yang membawa kepada penubuhan HM di bawah kepimpinan Abu Bakar al-Baqir (1907–1974). Penubuhan HM sebenarnya berkait rapat dengan penganjuran persidangan Majlis Agama Tertinggi (MATA) di Gunung Semanggol, Perak pada 13 hingga 16 Mac 1948 yang akhirnya membawa kepada penubuhan HM. MATA ditubuhkan pada 24 Mac 1947, iaitu sehari selepas penubuhan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) pada 23 Mac 1947 (Nabir Haji Abdullah, 1976: 117). Persidangan MATA yang diadakan di Gunung Semanggol pada 13 hingga 17 Mac 1948 dan dihadiri oleh ramai golongan agama dan pemimpin politik merupakan satu peristiwa yang istimewa dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Pada 14 Mac 1948, satu resolusi penting telah dicapai pada hari kedua persidangan MATA iaitu pembentukan HM. Barisan pemimpin HM terdiri daripada Abu Bakar al-Baqir (ketua umum), Haji Ariffin bin Haji Alias (ketua satu) dan Daud bin Jamil (ketua dua). Bagi menjadi ahli, mereka perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak 50 sen, dan yuran bulanan sebanyak \$4 setiap empat bulan. Ibu pejabat HM pula bakal berpindah ke Johor Bahru di bawah pentadbiran Haji Ariffin (Nabir 1976, 171–172). Antara cabang penting HM ialah *Syabab Hizbul Muslimin* atau Barisan Pemuda Hizbul Muslimin yang ditubuhkan pada 6 Jun 1948 di Maahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunung Semanggol. Pertubuhan tersebut dipimpin oleh Mohd Asri (Nabir 1976, 189).

Kajian tentang HM telah dilakukan oleh beberapa penulis. Nabir (1976) merupakan pelopor kepada kajian awal berkenaan HM dari segi sejarah penubuhan, perkembangan dan pembubarannya namun perbincangan tentang HM hanyalah salah satu bab di bawah kajian induk beliau berkaitan Maahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak. Tulisan Mawarni (1978/1979) ada menjelaskan kegiatan HM namun perbincangan tentang HM agak terhad manakala tulisan Khoo Kay Kim (2001, 200) pula membincangkan latar belakang HM secara ringkas dan banyak merujuk tulisan Nabir (1976). Namun begitu, tulisan beliau turut melabel HM sebagai gerakan “kiri agama” (Khoo 2001, 191–192). Ramlah (2019, 321–332) membincangkan tajuk HM secara khusus dalam perbahasan tentang hubungan

antara PKMM dengan golongan radikal Islam namun masih banyak yang merujuk tulisan Nabir (1976), meskipun beliau juga ada merujuk sumber lain. Tulisan Abu Hanifah (2014) pula memberi fokus kepada reaksi British terhadap kegiatan MATA dan HM dengan merujuk pelbagai rekod British manakala sebuah lagi tulisan Abu Hanifah (2018) pula hanya membincangkan peranan Parti Masyumi dari Indonesia dalam penubuhan HM. Tulisan terkini oleh Kamarul dan Ishak (2020, 254–266) berkenaan HM juga banyak mengulangi perbincangan dan sumber yang sudah ditulis dan dirujuk oleh Abu Hanifah (2014).

Namun begitu, masih timbul sejumlah persoalan sehingga kini berkaitan latar belakang dan perjuangan HM yang mungkin tidak disentuh atau dibahaskan secara mendalam dalam tulisan sebelumnya. Antara persoalan tersebut adalah seperti “Adakah HM sebuah gerakan kiri?”, “Adakah HM menyokong perjuangan komunis?”, “Adakah HM tidak memperjuangkan kemerdekaan?”, “Apakah faktor penangkapan pemimpin HM?” dan “Adakah HM diharamkan atau dibubarkan?”. Persoalan ini juga menjadi semakin menarik untuk dijawab dan dibahaskan dengan kewujudan rekod British yang baru dibuka kepada umum, sekali gus dapat memberi pencerahan dan tafsiran baru berkaitan latar belakang dan perjuangan HM.

Bersandarkan kepada persoalan tersebut, objektif kajian ini adalah untuk meneliti semula kedudukan HM dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, khususnya dari segi latar belakang dan peranannya ketika pertubuhan tersebut masih bergiat aktif dalam lapangan politik Tanah Melayu dari bulan Mac hingga Julai 1948, sehinggalah pertubuhan tersebut dibubarkan pada bulan September 1949. Kajian juga akan memetik beberapa tulisan penulis lain yang berkait rapat dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan sebelum ini. Analisis akan dilakukan terhadap pelbagai sumber primer seperti fail, dokumen dan akhbar, selain sumber sekunder seperti buku dan artikel bagi menjawab persoalan dan objektif tersebut.

Hizbul Muslimin: Gerakan “Kiri”?

Secara umumnya, HM sering dilabel sebagai gerakan “kiri” yang memperjuangkan ideologi “kiri”, iaitu menentang perjuangan UMNO yang bekerjasama dengan British, serta menentang sebarang kerjasama dengan British bagi mencapai kemerdekaan. Pandangan tersebut bukanlah sesuatu yang memerlukatkan. Rekod British misalnya cenderung melabel HM sebagai sebuah gerakan politik kiri yang radikal dan amat bahaya kepada kepentingan British di Tanah Melayu sama seperti gerakan politik kiri yang lain iaitu PKMM, API, AWAS, PNI, PETA, Barisan Tani Se-Malaya, Malayan Democratic Union (MDU) dan Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) (CO 537/3752 1948a). Dalam hal ini, British dilihat

hanya melihat hubungan rapat antara HM dengan gerakan kiri sebagai bukti parti tersebut menyokong perjuangan kiri tanpa menilai sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut, atau HM hanya “memperalatkan” gerakan kiri termasuklah Parti Komunis Malaya (PKM) bagi merealisasikan cita-cita yang lebih besar iaitu perjuangan menyingkirkan British sebelum mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu.

Dato’ Onn Jaafar merupakan antara pemimpin UMNO terawal yang mengaitkan HM dengan perjuangan komunis. Malah, tuduhan beliau itu menandakan permulaan kepada pandangan yang mengaitkan HM sebagai sebuah gerakan kiri dan penyokong komunis sehingga ke hari ini. Beliau juga pernah menggambarkan bahawa perjuangan HM sebagai berbahaya, malah lebih berbahaya daripada perjuangan komunis (Mawarni 1978/1979). Semasa memberi ucapan dalam sebuah majlis di Johor pada bulan Jun 1948, beliau melabel HM sebagai “merah” iaitu dikaitkan dengan perjuangan komunis. *Utusan Melayu* yang memaparkan ucapan Dato’ Onn Jaafar itu kemudiannya menjelaskan bahawa “Saya telah mengingatkan bagaimana perjalanan PKMM, saya telah mengingatkan apa itu API, PETA, Persekutuan Tani dan HM, semuanya itu ada kaitan dengan PKM”.² Ucapan daripada seorang pemimpin politik berpengaruh seperti Dato’ Onn Jaafar ini sedikit sebanyak membimbingkan orang Melayu dengan sejarah kekejaman komunis khususnya selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, sekali gus menyebabkan HM terus dilabel sebagai parti yang menyokong komunis sehingga ke hari ini, tanpa menilai sejauh mana kebenarannya. Beberapa orang sarjana pula telah mengkategorikan HM sebagai gerakan kiri dan penyokong komunis. Khoo Kay Kim merupakan antara sarjana terawal yang membahaskan tentang status dan kedudukan HM, khususnya dalam rangka perjuangan gerakan kiri. Menurut Khoo (2001, 200), gerakan anti-British yang paling berpengaruh di Tanah Melayu sebelum merdeka ialah gerakan kiri agama, yang dipelopori oleh HM dan mempunyai ahli dan cawangan di seluruh Tanah Melayu. Berkennaan penubuhan HM, Khoo (2001, 191–192) menjelaskan:

The inaugural meeting (held on March 14, 1948) at Gunung Semanggol to found the party was attended by numerous anti-British (and therefore opposed to UMNO) Malay organisations. They included, apart from PKMM and its affiliates, the Gunung Semanggol-based Islamic associations (such as PEPERMAS, MATA and LEPIR) ...also present were Rashid Maidin of the Malayan Communist Party.

Namun begitu, beliau langsung tidak menyebut kedatangan anggota UMNO dalam mesyuarat tersebut, termasuklah kisah anggota UMNO yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa panitia bagi persidangan tersebut (Nabir 1976, 162). Sekiranya kehadiran anggota UMNO dalam mesyuarat tersebut turut diambil kira,

sudah tentu HM tidak akan dilabel secara mutlak sebagai gerakan “merah” yang menyokong perjuangan komunis. Meskipun yang hadir bukanlah pemimpin utama UMNO dan hanyalah anggota UMNO, namun hal ini bukanlah bermakna bahawa UMNO langsung tidak meninggalkan “jejak” dalam penubuhan HM, seperti jejak “komunis” yang terpalit dalam penubuhan HM. Hakikatnya, UMNO sendiri sebenarnya terpalit dengan gerakan kiri semasa beberapa parti komponen dalam UMNO seperti Kesatuan Melayu Johor dan SABERKAS yang jelas memberikan sokongan kepada gerakan “kiri” (Azmi 2014, 17). Beliau tidak memberi gambaran sebenar dalam peristiwa penubuhan HM dengan mengenepikan terus penglibatan UMNO dalam penubuhan parti tersebut, meskipun nama-nama gerakan dan pertubuhan lain yang terlibat dalam penubuhan parti tersebut dijelaskan secara terperinci.

Seorang lagi penulis pula berpegang kepada pandangan bahawa HM merupakan “golongan agama radikal” dengan mengemukakan bukti penyertaan anggota komunis yang membawa kepada penubuhan MATA, Lembaga Pendidikan Islam Rakyat (LEPIR) dan PEPERMAS (Ramlah 2004). Menurut Ramlah (2004, 99):

Dalam mesyuarat pada 22 Mac 1947, pemimpin-pemimpin PKMM seperti Dr. Burhanudin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam turut hadir. Anggota Parti Komunis Malaya seperti Rashid Maidin, Arshad Ashaari dan Musa Ahmad juga turut hadir. Kerjasama golongan radikal dan komunis ini melambangkan kerjasama politik yang erat untuk menegakkan pandangan mereka terutama dalam menentang UMNO, raja-raja Melayu dan British.

Namun begitu, dakwaan beliau ini agak kurang tepat. Pertama, mesyuarat yang diadakan pada 22 Mac 1947 ialah mesyuarat yang membawa kepada penubuhan PEPERMAS. Menurut Nabir (1976, 111), mesyuarat tersebut langsung tidak dihadiri oleh pemimpin PKMM seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Abdul Samad Said, apatah lagi pemimpin PKM. Yang disebut hanya kehadiran pemimpin cawangan PKMM sahaja, dan bukan pemimpin utama PKMM. Tambahan pula, kenyataan tersebut tidak disertakan dengan sebarang sumber rujukan. Maka, bagaimanakah anggota PKM boleh didakwa menghadiri mesyuarat pada 22 Mac 1947? Kedua, beliau langsung tidak menyebut bahawa pada mesyuarat yang diadakan pada 22 Mac 1947 itu, bukan sahaja terdapat anggota UMNO yang menghadiri mesyuarat tersebut, bahkan bendera UMNO turut dikibarkan serta surat penerangan daripada UMNO turut dibacakan kepada sidang hadirin (Nabir 1976, 111–112). Oleh itu, adakah tepat untuk menyatakan bahawa mesyuarat yang diadakan pada 27 Mac 1947 ialah sebuah mesyuarat “beraliran kiri” dan “merah” sepenuhnya jika mengambil kira kewujudan perlambangan UMNO seperti kehadiran anggota serta kewujudan bendera dan surat pemimpin

UMNO dalam mesyuarat tersebut? Ketiga, dakwaan beliau bahawa pemimpin PKM seperti Rashid Maidin, Arshad Ashaari dan Musa Ahmad yang dilaporkan hadir dalam sebuah mesyuarat lain, bukannya mesyuarat yang diadakan pada 22 Mac 1947 yang membawa kepada penubuhan PEPERMAS ataupun mesyuarat pada 23 Mac 1947 yang membawa kepada penubuhan MATA. Mesyuarat yang dimaksudkan besar kemungkinannya ialah mesyuarat yang membawa kepada penubuhan HM yang diadakan pada 14 Mac 1947. Hal ini kerana pada ketika itulah, Rashid Maidin dilaporkan menghadiri mesyuarat tersebut, bahkan diberikan peluang untuk berucap (Nabir 1976, 165).

Ramlah (2004, 102) juga menyatakan bahawa kehadiran Rashid Maidin dan anggota PKM dalam mesyuarat pada bulan Mac 1947 juga “memperlihatkan kerjasama PKM dengan PKMM dalam penubuhan Hizbul Muslimin”. Namun begitu, beliau tidak pula menyebut berkenaan kehadiran anggota UMNO dalam mesyuarat tersebut dan penglibatan anggota UMNO tersebut sebagai ahli jawatankuasa panitia bagi penganjuran mesyuarat tersebut (Nabir 1976, 162–163). Sekiranya kehadiran anggota PKM dalam mesyuarat penubuhan HM itu dianggap sebagai bukti penglibatan PKM dalam penubuhan HM, wajar juga disebut bahawa kehadiran anggota UMNO juga boleh dianggap sebagai bukti penglibatan UMNO dalam penubuhan HM.

Berdasarkan perbahasan berkenaan, adakah HM perlu terus dikenali sebagai gerakan kiri, termasuklah “kiri agama”? Penulis cenderung kepada pandangan bahawa perjuangan HM merupakan gerakan agama yang berfungsi sebagai “gerakan tengah” yang berjaya menyatukan gerakan kanan dan kiri berdasarkan hujah-hujah selepas ini.

Hujah pertama penulis merujuk kepada rekod British yang melaporkan bahawa ketika menyampaikan ceramah dalam sebuah masjid ketika siri lawatan beliau ke Kemaman, Terengganu, bagi mempromosikan parti tersebut pada 14 Mei 1948, Abu Bakar menjelaskan, “[A]ll Muslims should join together. Hazbul [Hizbul] Muslimin was neither Left or Right in politics, and its aim was to bring UMNO and Malay Nationalist Party (MNP) together” (CO 537/3753 1948b). Berdasarkan bukti tersebut, hal ini jelas menunjukkan bahawa Abu Bakar sendiri mengakui bahawa HM bukanlah sebuah gerakan kanan dan kiri. Bahkan, matlamat perjuangan HM adalah bagi menyatukan gerakan kanan iaitu UMNO dan gerakan kiri iaitu MNP atau PKMM sendiri. Pada masa yang sama, bukti tersebut juga menunjukkan bahawa British sendiri “mengakui” bahawa matlamat sebenar perjuangan dan kedudukan sebenar HM bukan sebagai sebuah gerakan kanan dan kiri, sebaliknya merupakan gerakan agama yang seumpama sebuah “gerakan tengah” yang

bermatlamat bagi menjalinkan kerjasama yang lebih erat antara dua gerakan yang mempunyai matlamat perjuangan yang berbeza iaitu UMNO dan PKMM.

Hujah kedua pula adalah bahawa perjuangan utama HM ialah perpaduan orang Melayu, termasuklah kerjasama yang erat dengan UMNO. Oleh sebab itu, HM tidak berhasrat untuk “mengganggu” perjuangan UMNO yang dianggap sudah mempunyai pengaruh yang kuat dalam perjuangan nasionalisme serta mendapat sokongan orang Melayu. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan laporan *Utusan Melayu* (dalam Nabir 1976, 195) berkenaan kenyataan pemimpin HM dalam sebuah pertemuan rahsia di rumah Dato’ Abdul Rahman anjuran Kesatuan Melayu Johor bahawa mereka:

[t]idak mahu mengganggu UMNO kerana UMNO sudah kukuh dan tidak mungkin Dato’ Onn dapat ditumbangkan, dan yang perlu bagi Hizbul Muslimin ialah menentukan PKMM itu khasnya dan nasionalis Melayu kiri umumnya supaya tidak terbawa kepada hancurnya mereka iaitu memasuki komunis yang tidak sejalan dengan perjuangan ugama, bangsa, dan tanah air.³

Pada peringkat awal penubuhan HM, Abu Bakar ada menjelaskan bahawa matlamat penubuhan pertubuhan tersebut adalah “untuk menunjukkan kepada UMNO bahawa tujuan suci Hizbul Muslimin itu tidak harus ditakuti oleh siapa juga, dan diharap nanti UMNO akan memahami Hizbul Muslimin apabila Hizbul Muslimin mendekati kancah UMNO” (Nabir 1976, 172). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kemunculan HM bukan bermatlamat untuk mengganggu kedudukan UMNO yang sudah bertapak kukuh dalam masyarakat, sebaliknya hanya mahu menjalinkan kerjasama dalam merealisasikan perpaduan orang Melayu.

Malah, Abu Bakar sendiri menjelaskan bahawa keutamaan HM bukanlah “mengawal” UMNO, sebaliknya mengawal PKMM kerana “Dato’ Onn orang yang bijak dan UMNO punya kekuatan agama, bangsa dan perjuangan untuk tanah air sendiri” (Nabir 1976, 196). Daripada kenyataan tersebut, jelaslah bahawa Hizbul Muslimin bukan sahaja menghormati sumbangan Dato’ Onn Jaafar, tetapi juga bercita-cita untuk meneruskan kerjasama dengan UMNO dalam rangka menyatukan seluruh orang Melayu. Namun begitu, pendirian tersebut bukanlah bermaksud HM sanggup bekerjasama dengan British seperti perjuangan UMNO kerana pendirian HM memang tidak pernah sesekali berhasrat untuk bekerjasama dan tunduk kepada tuntutan British dalam perjuangan kemerdekaan. Sebaliknya, kerjasama tersebut adalah semata-mata atas kepentingan perpaduan orang Melayu sahaja tanpa mengambil kira ideologi perjuangan pertubuhan masing-masing yang

jelas berbeza antara satu sama lain. Pada masa yang sama, terdapat juga bekas anggota HM kemudiannya menyertai UMNO seperti Ismail bin Abdul Rahman (Dr. Ismail Abdul Rahman) yang pernah memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa HM cawangan Johor yang ditubuhkan pada 17 April 1948 (Nabir 1976, 185). Oleh itu, jelaslah bahawa sebenarnya HM dan UMNO berkongsi ciri-ciri perjuangan yang hampir sama iaitu perjuangan politik Islam sehingga membolehkan bekas anggota HM menjadi anggota UMNO.

Bagi hujah ketiga pula, HM juga berhasrat menjadi orang tengah yang menyatukan gerakan kanan iaitu UMNO dengan gerakan kiri iaitu PKMM ketika itu. Hal ini kerana persaingan dan perpecahan antara kedua-dua gerakan utama orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua ini bakal menjerumuskan Tanah Melayu kepada perpecahan umat Islam seperti yang berlaku di Indonesia pada tahun 1946 setelah gerakan agama di bawah Masyumi, Nahdlatul Ulama dan Partai Nasionalis Indonesia (PNI) tumpas kepada pihak yang “tidak kuat agama” iaitu Pertubuhan Sosialis dan Partai Komunis Indonesia (PKI). Akibatnya, perpecahan yang berlaku ini memberi kesempatan kepada penjajah Belanda untuk menggugat Republik Indonesia yang baru diisytiharkan. Situasi inilah yang cuba dielakkan oleh HM, sekali gus mendorong parti itu “menyusup masuk” ke dalam PKMM secara sulit (Nabir 1976, 195; 249). Sekiranya keadaan seperti ini berlaku di Tanah Melayu, orang Melayulah yang akan mengalami kerugian dan keadaan ini bakal memberi kekuatan kepada British untuk terus menekan pejuang kemerdekaan. Oleh itu, HM berasa terpanggil untuk memikul amanah dan tanggungjawab besar ini, iaitu sebagai orang tengah yang menyatukan gerakan kanan dan kiri ketika itu.

Hizbul Muslimin: Penyokong Komunis?

Tulisan sedia ada sering menyatakan kerjasama rapat antara HM dengan gerakan komunis dan PKM. Dalam hal ini, HM dipercayai sebagai sekutu kuat PKM dan gerakan komunis. Ramlah (2019, 71) menyatakan bahawa “Kehadiran beberapa orang penyokong PKM seperti Rashid Maidin, Musa Ahmad dan Gerald de Cruz dalam persidangan menubuhkan HM dan badan-badan lain, membayangkan wujudnya kerjasama PKM dengan golongan agama itu”.

HM sebenarnya tidak pernah secara terbuka menyatakan bahawa mereka berpegang kepada ideologi dan perjuangan komunis. Kehadiran tokoh komunis iaitu Rashid Maidin ketika persidangan MATA yang membawa kepada penubuhan HM dan peluang yang diberikan kepada beliau untuk menyampaikan ucapan adalah atas kapasiti beliau sebagai seorang Melayu yang menyokong sebarang usaha bagi mengukuhkan lagi perjuangan gerakan kiri. Dalam persidangan tersebut, Rashid

Madin dibenarkan untuk berucap. Meskipun ucapan Rashid Maidin dilihat berjaya mendapat sambutan dalam kalangan hadirin, namun Nabir (1976, 165) menjelaskan, “[D]an tidak kurangnya menambah semangat perjuangan mereka tetapi tidak terbawa-bawa kepada kehendak PKM kerana hadirin menganggap percakapan beliau itu adalah dari seorang Melayu juga”. Daripada pernyataan tersebut, jelas bahawa hadirin dipercayai tidak terpengaruh dengan dakyah komunis apabila mendengar ucapan Rashid Maidin. Malah, kehadiran beliau dalam persidangan tersebut dan ruang yang diberikan kepada beliau untuk menyampaikan ucapan adalah atas kapasiti beliau sebagai orang Melayu yang sama-sama mempunyai hasrat yang serupa iaitu menyokong dan mengalau-alukan penubuhan sebuah parti politik Islam yang akan mengukuhkan lagi jentera gerakan kiri dalam rangka menyingkirkan British.

Kerjasama dengan pergerakan komunis juga sebenarnya tidak bercanggah dengan prinsip perjuangan HM sendiri iaitu bebas bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan politik bagi membebaskan bangsa dan tanah air daripada belenggu penjajahan (CO 537/3751 1948a). Dalam hal ini, *Utusan Melayu* (dalam Nabir 1976, 171) ada menjelaskan bahawa kerjasama antara HM dengan gerakan lain yang dianggap sesuai dengan dasar perjuangannya tidak bercanggah dengan pendirian HM iaitu “bekerjasama dengan lain-lain persatuan yang sesuai dengan anggaran dasarnya”.⁴ Hal ini kerana HM sedar bahawa kekuatan parti tersebut sahaja agak mustahil untuk menewaskan kuasa penjajah yang kuat seperti British. Pada masa yang sama, musuh yang diperangi ketika itu ialah musuh sama yang diperangi oleh gerakan kiri yang lain seperti PKMM dan PKM iaitu British. Persamaan matlamat perjuangan antara HM dengan gerakan kiri, termasuklah komunis, pastinya memudahkan semua gerakan ini duduk semeja seterusnya merancang strategi dan kerjasama antara satu sama lain bagi merealisasikan hasrat tersebut. Oleh itu, dasar bekerjasama dengan gerakan komunis hanyalah satu strategi politik yang jelas tidak bercanggah dengan perjuangan HM.

Selain itu, kerjasama antara HM dengan komunis adalah bagi mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu sahaja. Hal ini kerana, berdasarkan matlamat perjuangan HM, keutamaan ketika itu ialah kemerdekaan Tanah Melayu terlebih dahulu manakala matlamat menubuhkan “Darul Islam” iaitu negara Islam hanya dapat dilaksanakan selepas kemerdekaan dicapai (CO 537/3751 1948b). Dalam hal ini, pemimpin HM sedar bahawa perjuangan politik berteraskan Islam khususnya penubuhan negara Islam hanya dapat direalisasikan setelah sebuah negara itu merdeka daripada belenggu penjajah. Selepas mencapai kemerdekaan, barulah HM boleh memberi tumpuan kepada agenda membentuk “Darul Islam”. Oleh itu, HM mengambil pendekatan “menutup mata” buat seketika dan terus menjalinkan perhubungan dengan semua gerakan politik yang mempunyai perjuangan politik

yang sama ketika itu iaitu perjuangan kemerdekaan bukan dengan cara bekerjasama dengan British, yang menjadi pegangan asas semua gerakan yang dilabel sebagai gerakan kiri ini. Malah, HM sebenarnya mempunyai rancangan sulit untuk merampas semula kuasa daripada PKM dengan bantuan dari Indonesia sekiranya PKM berjaya menyingkirkan penjajah British ataupun selepas British dihalau keluar (CO 537/3753 1948a). Hal ini berdasarkan perbincangan sulit antara Abu Bakar dengan Haji Mohamed Yattim, salah seorang ahli jawatankuasa Madrasah Ittihadiyyah di Ulu Gadong, Negeri Sembilan, pada 20 April 1948 berkenaan tujuan sebenar penubuhan HM. Abu Bakar menjelaskan bahawa PKM bakal bertindak tidak lama lagi bagi mewujudkan pergolakan bertujuan untuk mengawal kerajaan dan kebimbangan terhadap PKM yang bakal mempengaruhi orang Melayu inilah yang menyebabkan penubuhan HM. Oleh itu, HM akan menuntut semula Tanah Melayu sebaik sahaja Tanah Melayu jatuh ke tangan PKM ataupun selepas British dihalau keluar. Hal ini kerana HM telah mengadakan hubungan dengan Indonesia dan pertolongan akan datang dari Indonesia untuk menentang PKM (CO 537/3753 1948a).

“Pertolongan dari Indonesia” bagi menyingkirkan komunis ini berkemungkinan besar merujuk kepada Parti Masyumi di Indonesia yang memang terlibat secara langsung dalam penubuhan HM (Abu Hanifah 2018). Malah, Parti Masyumi dilaporkan mempunyai sayap ketenteraan sendiri iaitu Barisan Tentera Masyumi di Sumatera. Buktinya, rekod British melaporkan tentang kehadiran Bung Shariff Mujuo atau dikenali juga sebagai Shukor Shariff yang disyaki merupakan pegawai Barisan Tentera Masyumi di Sumatera dan dilaporkan melawat seluruh Tanah Melayu bagi menyiasat aktiviti rakyat Indonesia yang tinggal di Tanah Melayu. Pada 12 Jun 1948, beliau dilaporkan tiba di Pulau Pinang dan bertolak ke Gunung Semanggol pada keesokan harinya. Bung Shariff Mujuo juga dilaporkan bakal menjadi salah seorang tenaga pengajar di Maahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunung Semanggol (CO 537/3752 1948b). Dalam hal ini, dakwaan Abu Bakar bahawa HM akan mendapat pertolongan dari Indonesia bagi menyingkirkan komunis setelah British berjaya dihalau keluar bukanlah suatu “cerita dongeng”, sebaliknya mempunyai asas yang kukuh. Oleh itu, langkah awal ke arah mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu ialah menjalinkan kerjasama dengan sebuah gerakan kiri yang berkongsi ideologi asas sama dalam perjuangan politik iaitu prinsip tidak bekerjasama dengan British. Dalam hal ini, kerjasama dengan gerakan kiri dan komunis ini dianggap hanya sebagai batu loncatan sahaja kerana HM mempunyai perancangan lebih besar selepas itu yang masih belum dapat dimulakan kerana British masih menjajah Tanah Melayu.

Selain itu, bukti berkenaan turut menunjukkan bahawa tujuan penubuhan HM juga berkait rapat dengan agenda mengelakkan orang Melayu daripada terpengaruh

dengan perjuangan komunis dengan mewujudkan sebuah parti “alternatif” kepada orang Melayu yang menekankan kepada perjuangan politik berteraskan Islam. Kebimbangan inilah yang akhirnya membawa kepada penubuhan HM kerana sekiranya orang Melayu tidak bersatu, matlamat PKM untuk menujuhkan sebuah negara komunis akan tercapai, selain bakal mendapat pertolongan dari Rusia (CO 537/3753 1948a). Hal ini menunjukkan HM percaya penubuhan parti tersebut bukan sahaja bakal “menyelamatkan” orang Melayu daripada terpengaruh dengan ideologi komunis, tetapi juga dapat menarik sokongan orang Melayu terhadap perjuangan politik yang menekankan kepada asas-asas perjuangan Islam.

Pada masa yang sama, HM sendiri tidak bersetuju malah turut mengkritik perjuangan komunis. Hal ini kerana apabila darurat diisyiharkan dan ramai anggota PKMM ditangkap pada 23 Julai 1948, HM secara terbuka “mengutuk” perjuangan komunis yang bersifat radikal sehingga membawa kepada pengisytiharan darurat. Mengulas isu tersebut, akhbar *Majlis* (dalam Nabir 1976) bukan sahaja menegaskan sikap HM yang jelas tidak bersetuju dengan perbuatan komunis, malah turut menyeru kepada perpaduan seluruh bangsa Melayu bagi “menghadapi suasana yang akan membahayakan kedudukan agama, bangsa dan tanah air kita, dan berpegang teguhlah kepada pengajaran Islam kerana di dalamnya cukup mengandungi anasir ketenteraan, kebahagiaan, dan kesentosaan”.⁵ Pada masa yang sama, Abu Bakar sendiri mengakui ancaman akibat perjuangan komunis sehingga menyebabkan HM berusaha untuk “menarik” anggota PKMM dan nasionalis Melayu kiri supaya “tidak terbawa kepada hancurnya mereka iaitu memasuki komunis yang tidak sejalan dengan perjuangan agama, bangsa dan tanah air (Nabir 1976, 195). Oleh itu, adakah dakwaan bahawa HM menyokong perjuangan komunis masih relevan? Daripada kenyataan tersebut, jelaslah bahawa HM sendiri mengkritik penglibatan PKM dalam perjuangan bersenjata yang bersifat radikal sebagai punca utama yang membawa kepada pengisytiharan darurat. Malah, Abu Bakar juga secara terbuka menolak perjuangan komunis yang dianggap mengundang bahaya kepada agama, bangsa dan tanah air.

Kerjasama HM dengan komunis juga bertujuan untuk memberi peluang kepada orang Melayu menilai sendiri perjuangan komunis ketika masih berada di bawah gagasan politik yang sama. Penulis berpendapat bahawa Abu Bakar sebenarnya mengambil sikap dan pendekatan sama yang pernah digunakan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy apabila bekerjasama dengan PKM dan Rashid Maidin. Dalam hal ini, Mustapha Hussain, Naib Yang Dipertua Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam memoirnya pernah dimaklumkan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy berkenaan faktor golongan nasionalis iaitu PKMM boleh bekerjasama dengan golongan komunis iaitu PKM. Dalam jawapannya, Dr. Burhanuddin al-Helmy menjelaskan bahawa “[K]ita adalah demokratik. Kita tengok saja. Biar rakyat yang

memilih sendiri” (Insun 1999, 451). Pendekatan sama kemudiannya digunakan oleh Abu Bakar apabila menjalinkan kerjasama dengan pemimpin PKM. Hal ini bukanlah sesuatu yang memerlukan kerana Dr. Burhanuddin al-Helmy memang merupakan sahabat baik kepada Abu Bakar sejak zaman Jepun lagi, bahkan beliau juga dipercayai sebagai *mastermind* (perancang) di sebalik cadangan penganjuran sebuah persidangan bagi menubuhkan sebuah parti politik Islam yang membawa kepada pertubuhan HM (Nabir 1976, 109–110). Dalam hal ini, beliau ingin memberi peluang kepada orang Melayu agar melihat sendiri perjuangan sebenar komunis apabila berada di bawah bumbung yang sama dan kesempatan tersebut tentunya sukar diperoleh sekiranya kerjasama tidak dijalankan dengan komunis. Setelah orang Melayu sedar tentang hakikat sebenar perjuangan komunis, maka sudah tersedia sebuah “parti alternatif” iaitu HM yang boleh disertai oleh orang Melayu sebagai sebuah parti yang masih berpegang kepada ideologi tidak bekerjasama dengan British, tetapi berjuang atas platform agama Islam.

Suatu perkara yang jelas ialah HM lebih berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan PKMM berbanding komunis. HM sebenarnya mempunyai perancangan sulit untuk menarik anggota PKMM yang cenderung kepada Islam agar menyertai HM sekali gus meninggalkan sejumlah anggota PKMM yang cenderung kepada ideologi nasionalis dan “lemah pandangan agama” sahaja dalam PKMM. Pada masa yang sama, HM juga berjuang supaya sebilangan anggota PKMM yang radikal tidak menyokong perjuangan komunis sehingga menyebabkan HM tidak lagi “mengidentitikan kehendaknya sebagai parti tetapi hanyalah sekadar badan ugama yang membela umat”. Bahkan, rancangan sulit ini berjaya dirahsiakan daripada pengetahuan pemimpin PKMM iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmy yang banyak membantu perjuangan parti tersebut (Nabir 1976, 194–195). Peranan HM dalam isu ini ibarat pembela umat Islam yang ditimpa kesusahan, sekali gus menunjukkan HM pernah “mengabaikan” sesetengah prinsip asal perjuangannya semata-mata bagi menjaga perpaduan umat Islam. Bagi HM, tanggungjawab mengukuhkan perpaduan umat Islam adalah lebih utama ketika berdepan dengan keadaan yang getir apabila segelintir anggota PKMM yang cenderung kepada perjuangan radikal mula cenderung kepada komunis. Oleh itu, mereka sanggup mengetepikan seketika prinsip perjuangan parti kerana perpaduan umat Islam dilihat lebih penting ketika itu.

Hizbul Muslimin: Tidak Berjuang Menuntut Kemerdekaan?

Kajian sedia ada berkenaan HM jelas tidak memberikan gambaran yang benar dan tepat terhadap matlamat perjuangan pertubuhan tersebut. Ramlah (2019, 324) ada menyatakan bahawa HM ialah sebuah pertubuhan yang “hanya bertujuan untuk memperbaik dan menguatkan kefahaman dan kesatuan terhadap Islam, di samping

menguatkan tahap ekonomi, pelajaran dan sosial orang Melayu. Soal menuntut kemerdekaan daripada kerajaan British tidak disebutkan”.

Namun begitu, pandangan beliau bahawa HM merupakan sebuah pertubuhan yang tidak menuntut kemerdekaan adalah kurang tepat berdasarkan lima bukti berikut. Pertama, Nabir (1976, 196) ada menjelaskan, “Sungguhpun ia telah menggariskan dasar-dasar utamanya, iaitu mencapai kemerdekaan bangsa dan negara Melayu yang berdaulat”. Kedua, Nabir (1976, 250) sekali lagi menyebut dalam kesimpulan beliau bahawa terdapat tiga dasar perjuangan pertubuhan tersebut dan yang pertamanya adalah untuk “mencapai kemerdekaan Tanah Melayu yang berdaulat”. Oleh itu, pandangan penulis tersebut adalah kurang tepat kerana frasa “kemerdekaan bangsa dan negara Melayu” dan “kemerdekaan Tanah Melayu” tersebut jelas menunjukkan bahawa pertubuhan tersebut memang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Ketiga, rekod British pada bulan April 1948 juga menunjukkan bahawa matlamat utama HM adalah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu iaitu “Attain sovereign independence of race and country for Malaya” (CO 537/3751 1948a). Keempat, terdapat sebuah pamflet berkenaan perjuangan HM yang diedarkan kepada orang Melayu di Johor oleh Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ). Kandungan pamflet tersebut menjelaskan tujuan penubuhan HM adalah untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu seperti dalam petikan berikut, “[T]o establish an independent sovereignty of the Malay nation” (CO 537/3751 1948b). Kelima, Abu Bakar dalam ucapannya sempena penubuhan HM cawangan Melaka pada 20 April 1948 menegaskan bahawa aliran terkini dalam aktiviti politik di seluruh dunia menunjukkan bahawa “[P]eople were demanding independence. This was the reason for the formation of HAZBUL [HIZBUL] MUSLIMIN LEAGUE – with its existence they could rise to demand their right” (CO 537/3751 1948c).

Berdasarkan lima bukti tersebut, jelas menunjukkan bahawa matlamat utama HM adalah untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu, sekali gus menafikan dakwaan Ramlah (2019). Bahkan, matlamat mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu menjadi matlamat yang utama dan berada pada kedudukan pertama berbanding matlamat lain, iaitu matlamat kedua yang menekankan perjuangan Pan-Islamisme dan matlamat ketiga yang menekankan perjuangan menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Islam.

Pandangan Ramlah (2019) mempunyai impak yang cukup besar kerana seolah-olah menafikan matlamat HM sebagai sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan sejak awal penubuhannya pada tahun 1948 seperti yang diperjuangkan oleh PKMM sejak penubuhannya pada tahun 1945. Beliau juga seakan-akan menyamakan kedudukan HM seperti UMNO yang memang jelas

tidak menjadikan perjuangan mendapatkan kemerdekaan sebagai matlamat utama mereka sejak awal penubuhannya pada tahun 1946, sebaliknya hanya berjuang bagi menjaga kedudukan orang Melayu sahaja ketika iaitu berteraskan slogan “Hidup Melayu!” (Azmi 2014, 3). Rekod British pada bulan April 1948 juga menegaskan bahawa “The UMNO was really a political organisation fighting for the right of Malays” (CO 537/3751 1948a). Bahkan, UMNO hanya mengubah perlumbagaannya kepada perjuangan mendapatkan kemerdekaan melalui slogan “Merdeka!” pada tahun 1951 (Ramlah 2004, 124). Perjuangan tersebut hasil daripada peranan yang dimainkan golongan yang “radikal” dalam UMNO iaitu Perikatan Pemuda UMNO (Ramlah 2019, 486). Malah, sikap UMNO yang tidak “bersungguh-sungguh” menuntut kemerdekaan inilah yang menjadi “magnet” kepada British untuk menjalinkan hubungan yang rapat dengan UMNO seperti diakui sendiri oleh Ramlah (2019, 481), “UMNO tidak menuntut kemerdekaan seperti PKMM, API dan PKM. Ini yang menarik sokongan kerajaan British kepadanya”. Hakikatnya, matlamat perjuangan HM adalah setaraf dengan PKMM yang menetapkan perjuangan membebaskan kemerdekaan Tanah Melayu sebagai matlamat utama dalam keadaan UMNO masih belum jelas tentang hala tuju mereka dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.

Penangkapan Pemimpin Hizbul Muslimin: Faktor Darurat?

Menjelang bulan Julai 1948, kegiatan HM semakin mendapat pemantauan pihak British. Pada 28 Julai 1948, Abu Bakar menulis surat kepada Pesuruhjaya Jeneral British bagi mengisyiharkan HM hanyalah sebuah parti politik Islam yang berasaskan agama Islam dan HM sendiri berusaha untuk mencapai matlamat perjuangan melalui jalan keamanan dan saluran perlumbagaan kerana Islam sendiri tidak pernah mengiktiraf keganasan (Ramlah 2019, 586). Tujuan utama penubuhan HM ialah bagi membangkitkan keadaan sosial orang Melayu yang beragama Islam, selain meluaskan pemahaman mereka terhadap agama, turut dijelaskan.

Meskipun begitu, British ketika itu sudah “membuat keputusan” berkaitan kedudukan dan masa depan HM. Sehari kemudian iaitu pada 29 Julai 1948, British bertindak menahan tiga orang pemimpin HM iaitu Abu Bakar al-Baqir @ Abu Bakar bin Said @ Sheikh Bakar Rapik (ketua umum), Abdul Rab Tamimi bin Sulaiman (ketua propaganda HM) dan Abdul Rauf bin Ahmad (pengawal peribadi Abu Bakar) (CO 537/3753 1948b).⁶

Tulisan sedia ada mengaitkan faktor penahanan pemimpin HM iaitu Abu Bakar, Abdul Rab Tamimi dan Abdul Rauf disebabkan perbuatan mereka yang menyalahi Undang-Undang Darurat. Nabir (1976) misalnya mengemukakan dua faktor utama yang menyebabkan penahanan mereka. Faktor pertama ialah laporan polis yang

dibuat terhadap mereka akibat penglibatan mereka dalam kegiatan berhaluan kiri, sekali gus menyalahi Undang-Undang Darurat. Penahanan Abu Bakar disebabkan laporan polis yang ditandatangani 13 individu atas tuduhan beliau berkempen agar orang Islam tidak membeli sabun dan susu daripada kedai orang Cina kerana sudah terdapat kedai sabun milik orang Melayu di Gunung Semanggol, Perak. Seorang anggota polis Cawangan Khas di Taiping, Perak, iaitu Bakar Hamzah pula menegaskan Abu Bakar hanya berkempen agar orang Islam tidak membeli sabun sahaja daripada kedai orang Cina, dan tidak melibatkan susu. Penahanan Abdul Rab Tamimi pula disebabkan peranan beliau membawa unsur luar dalam kegiatan HM, khususnya dari Indonesia kerana beliau berasal dari sana. Penahanan Abdul Rauf pula disebabkan beliau menderhaka kepada sultan Perak apabila tidak menyebut nama sultan dalam khutbah yang disampaikan, selain kandungan ceramahnya berpandukan al-Quran dan hadis yang dianggap “berbahaya” kepada orang ramai (Nabir 1976, 199).

Kedua, Nabir (1976) juga berpendapat bahawa penahanan pemimpin HM berkemungkinan mempunyai kaitan dengan laporan polis yang dibuat oleh penduduk Gunung Semanggol sendiri. Menurut beliau, laporan polis itu dibuat oleh penghulu muda yang baru bertugas di Gunung Semanggol pada awal tahun 1948. Beliau merupakan saudara kepada Dato' Zainal Abidin Abas, rakan Dato' Onn Jaafar. Oleh yang demikian, berkemungkinan besar beliau dihantar bertugas di Gunung Semanggol atas kehendak UMNO bagi memantau pergerakan HM (Nabir 1976, 200). Berdasarkan dua bukti ini, dapat disimpulkan bahawa faktor utama penahanan mereka ialah laporan polis yang dibuat terhadap mereka disebabkan penglibatan mereka dalam kegiatan berhaluan kiri dan tindakan UMNO yang melaporkan kegiatan mereka kepada pihak polis.

Rekod British pula melaporkan faktor berbeza berkaitan penahanan mereka. Namun begitu, kesemua laporan ini turut meletakkan pemimpin HM tersebut atas kesalahan menyalahi Undang-Undang Darurat. Laporan British pada bulan Ogos 1948 menyatakan bahawa salah seorang anggota HM mengaitkan penangkapan tiga pemimpin utama HM sebagai akibat daripada permusuhan mereka dengan menteri besar Perak iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab (CO 537/3754 1948). Dato' Panglima Bukit Gantang yang merupakan penyokong kuat UMNO berkemungkinan besar tidak begitu selesa dengan kemunculan dan perjuangan HM yang bukan sahaja dianggap sebagai penyokong komunis, tetapi pada masa yang sama, turut bertentangan dengan perjuangan UMNO. Oleh itu, tidak mustahil beliau melaporkan kegiatan HM kepada Dato' Onn Jaafar yang memang mencurigai perjuangan pertubuhan tersebut sejak awal penubuhannya lagi, sekali gus membawa kepada penangkapan mereka.

Rekod British juga menegaskan bahawa Abu Bakar dan Abdul Rab Tamimi merupakan “musuh kerajaan” dan “musuh raja-raja Melayu”, malah terlibat dalam hampir semua organisasi politik berhaluan kiri. Dalam kes Abu Bakar, beliau juga didapati terlibat dalam kegiatan penulisan anjuran komunis ketika ditahan. Abdul Rauf bin Ahmad pula dianggap sebagai seorang yang kasar dan bersikap antikerajaan dan antiraja, malah disyaki bertugas sebagai pengawal peribadi Abu Bakar. Beliau juga disyaki sebagai ahli PKM kerana pernah bersahabat dengan orang Cina di Kedah dan Taiping, Perak.⁷

Selain itu, rekod British juga menjelaskan bahawa pergerakan HM boleh mengancam keselamatan melalui perjuangan politik bercorak agama yang berpotensi menarik sokongan ahli UMNO dan PKMM. HM yang telah dibiayai oleh Parti Masyumi dari Indonesia juga boleh menjadi jambatan perhubungan antara PKMM dengan UMNO (CO 537/3754 1948). Pada ketika itu, walaupun HM masih lagi dikawal oleh komunis dari Indonesia, namun perjuangan politik bercorak agama yang diperjuangkan mampu menarik sokongan orang Melayu daripada pelbagai kelas. Penulis berpendapat bahawa bukti ini merupakan faktor utama yang menyebabkan British bertindak menahan pemimpin HM. Hal ini kerana perjuangan HM bukan sahaja jelas bersifat anti-British, tetapi “pengaruh agama” yang ada pada HM juga menjadi magnet yang sangat kuat sehingga dapat menarik ramai anggota pertubuhan politik Melayu lain seperti PKMM dan UMNO untuk menyokong perjuangannya. Kebimbangan British di sini merujuk kepada pengaruh UMNO yang semakin merosot sejak kemunculan HM sehingga beberapa cawangan UMNO terpaksa ditutup seperti yang terjadi kepada cawangan UMNO di Malim Nawar, Perak, yang ditutup setelah pemimpinnya meletakkan jawatan bagi menyertai HM (CO 537/3751 1948a). Pandangan ini juga selari dengan pandangan mutakhir yang dikemukakan oleh para pengkaji daripada aliran Pasca-Revisionis berkaitan faktor British mengisyiharkan darurat di Tanah Melayu, seperti Abdul Rahman (2009) dan Azmi (2014; 2019), bahawa darurat merupakan satu reaksi British bagi menghadapi ancaman gerakan nasionalis kiri-agama Melayu berbanding ancaman komunis yang dikuasai oleh minoriti orang Cina. Bagi British, UMNO sepatutnya menjadi “parti tunggal” yang disertai oleh orang Melayu, namun pengaruh mereka semakin merosot setelah kemunculan HM. Perjuangan anti-British oleh HM juga menyebabkan British mengambil keputusan menahan pemimpin mereka di bawah Undang-Undang Darurat, sekali gus “melumpuhkan” pertubuhan tersebut.

Hizbul Muslimin: Diharamkan oleh British?

Terdapat banyak tulisan yang menjelaskan bahawa HM diharamkan oleh British, seperti yang berlaku kepada majoriti gerakan kiri seperti PKM, PKMM serta pertubuhan yang bernaung di bawahnya iaitu API dan AWAS. Saliha (1986,

166) menyatakan bahawa “Parti-parti politik yang dicap komunis atau kiri telah diharamkan …termasuklah juga PKMM dan Hizbul Muslimin”. Ibnu Hasyim (1993, 20) pula menyatakan bahawa “Hizbul Muslimin, gerakan Islam pertama di Tanah Melayu diharamkan” manakala Russli (1995, 147) menjelaskan, “Semua parti kiri diharamkan termasuk Hizbul Muslimin”. Ahmad (1998, 267) dalam tulisannya menyatakan, “Gerakan Islam yang dipelopori oleh Hizbul Muslimin yang diharamkan oleh British” dan Hussain (2000, 140) pula dalam pernyataannya menyebut bahawa “Hizbul Muslimin telah diharamkan”. Hal yang sama juga dijelaskan oleh Ibrahim (2004, 71) bahawa “Semua parti dan pertubuhan kiri telah diharamkan, termasuklah Hizbul Muslimin”. Pengharaman HM juga disebut oleh Ishak (2011, 58), “Namun usianya tidak panjang apabila diharamkan oleh pihak British”. Dalam sebuah lagi tulisan, Ahmat (2014, 38) menyatakan, “Yang membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh British, parti Hizbul Muslimin yang dituduh bersubahat dengan komunis, pun diharamkan”. Selain itu, Hazman (2021, 64) juga menulis bahawa “Hizbul Muslimin (yang dkemudiannya diharamkan oleh British)”.

Namun begitu, HM sebenarnya tidak pernah diharamkan oleh British seperti yang terjadi kepada API pada tahun 1947 dan PKM pada tahun 1948. Hal ini kerana pertubuhan tersebut dibubarkan oleh pemimpin HM sendiri sejak ketiadaan Abu Bakar. Pembubaran HM pula berlaku sekitar bulan September 1949, iaitu setelah lebih setahun pemimpin HM ditahan oleh British yang terjadi pada 29 Julai 1948. Terdapat dua bukti pembubaran HM terjadi pada bulan September 1949 iaitu bukti pertama ialah rekod British bertarikh 14 September 1949 yang melaporkan bahawa HM kemungkinan besar bakal dibubarkan. Menurut Haji Ariffin yang merupakan ketua satu HM, keadaan kesihatan beliau yang tidak mengizinkan menyebabkan beliau tidak mampu lagi meneruskan tugasnya. Beliau juga mempunyai hutang disebabkan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama LKMJ. Malah, anaknya sendiri yang merupakan seorang penjawat awam dan ahli UMNO telah memberi amaran bahawa beliau tidak akan membantu Haji Ariffin untuk melangsaikan hutangnya kecuali beliau berhenti daripada bidang politik. Yacob Hitam iaitu pembantu setiausaha HM juga berhasrat untuk meletakkan jawatan manakala pegawai HM lain juga berhasrat untuk berbuat demikian kerana mereka percaya HM tidak akan mencapai kemajuan tanpa kepimpinan Abu Bakar yang ditahan di bawah Undang-Undang Darurat (FO 371/76000 1949a). Hasrat mereka untuk meletakkan jawatan dan membubarkan HM juga tiada kaitan dengan Ordinan Pertubuhan yang baru digubal oleh British.

Bukti kedua adalah dalam sebuah rekod British bertarikh 28 September 1949, disebut secara jelas bahawa, “Hazbul [Hizbul] Muslimin Dissolves”. Rekod tersebut kemudian menjelaskan bahawa, “Haji Ariffin, the ‘Ketua Satu’ of Hazbul

[Hizbul] Muslimin, has issued a statement which says that with the enforcement of the new Societies Ordinance, the is ‘no freedom in politics’, and that, therefore, the Hazbul [Hizbul Muslimin] will dissolve” (FO 371/76000 1949b). Berdasarkan dua bukti ini, jelaslah bahawa HM tidak pernah diharamkan oleh British, sebaliknya dibubarkan sendiri oleh pemimpin HM yang menggantikan Abu Bakar. Faktor pemimpin HM berbuat demikian adalah disebabkan dua faktor utama iaitu pengenalan Ordinan Pertubuhan yang menekan pergerakan HM, selain ketiadaan pemimpin berkaliber selepas penangkapan Abu Bakar sehingga HM tidak mampu lagi bangkit di pentas perjuangan politik Tanah Melayu selepas bulan Julai 1948. Akibatnya, HM telah dibubarkan menjelang bulan September 1949. Oleh itu, pandangan bahawa HM diharamkan oleh British adalah tidak tepat.

Kesimpulan

HM bukan sebuah gerakan kiri, sebaliknya lebih sesuai dilabel sebagai gerakan agama yang berfungsi sebagai gerakan tengah yang berjuang bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan strategi bekerjasama dengan semua pihak termasuklah gerakan kanan seperti UMNO dan gerakan kiri seperti PKMM dan komunis selagi matlamat mencapai kemerdekaan dapat dicapai. HM juga tidak pernah menerima ideologi komunis yang jelas bercanggah dengan falsafah perjuangannya. Kerjasama dengan komunis hanyalah kerjasama politik untuk mewujudkan satu gerakan anti-British yang kuat bagi menyingkirkan British sahaja, di bawah satu kerjasama politik yang mempunyai matlamat yang sama iaitu mendapatkan kemerdekaan. Bahkan, rancangan HM tidaklah terhenti sekadar di situ sahaja, sebaliknya mereka mempunyai rancangan sulit untuk merampas kuasa daripada komunis, sekiranya British berjaya disingkirkan di bawah gerakan anti-British tersebut dengan bantuan dari Indonesia, khususnya daripada Parti Masyumi.

Penangkapan pemimpin HM juga disebabkan pengisytiharan darurat oleh British pada bulan Julai 1948 yang bukan bertujuan untuk menangkap pemimpin komunis, sebaliknya merupakan serampang dua bagi meneruskan kelangsungan penjajahan British di Tanah Melayu. Selain itu, tindakan ini juga dapat mengekang pengaruh gerakan agama bersama-sama gerakan kiri yang lain. Hal ini kerana gerakan ini bukan sahaja mengancam kedudukan UMNO sebagai satu-satunya parti yang diharap oleh British menjadi parti tunggal orang Melayu, tetapi juga jelas merupakan gerakan nasionalis yang menentang British secara terang-terangan. HM juga tidak pernah diharamkan oleh British, sebaliknya dibubarkan oleh pimpinan HM sendiri pada bulan September 1949 setelah penangkapan Abu Bakar kerana ketidakmampuan mereka menguruskan pertubuhan tersebut berbanding ketika HM berada di bawah pentadbiran beliau.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaya serta Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial atas sokongan yang diberikan bagi penerbitan makalah ini. Terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang membantu penulis mendapatkan bahan bagi penulisan makalah ini.

Nota

1. Pengkaji menggunakan ejaan Maahad al-Ihya' al-Syarif, yang dilihat lebih menepati ejaan rumi terkini bagi perkataan asal dalam bahasa Arab iaitu **معهد الاحياء الشريف** berbanding ejaan Maahad Il Ihya Assyariff yang digunakan oleh Nabir (1976).
2. *Utusan Melayu*, 26 Jun 1948, dipetik daripada Nabir (1976, 193).
3. *Utusan Melayu*, 19 April 1948, dipetik daripada Nabir (1976, 195).
4. *Utusan Melayu*, 27 Mac 1948, dipetik daripada Nabir (1976, 171).
5. *Majlis*, 30 Julai 1948, dipetik daripada Nabir (1976, 194).
6. Ketiga-ketiga mereka telah ditahan lebih kurang lima tahun, dan ditempatkan di beberapa pusat tahanan iaitu bermula di pusat tahanan di Taiping (enam bulan), diikuti Pulau Jerejak, Pulau Pinang (enam bulan), Tanjung Beruas, Melaka dan Ipoh. Lihat Nabir (1976, 200).
7. Terdapat juga laporan yang menyatakan bahawa penahanan mereka dilakukan di bawah Undang-Undang Darurat. Rujuk *Utusan Melayu* (1948b, 2).

Rujukan

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2009. 1948 and the Cold War in Malaya: Samplings of Malay reactions. *Kajian Malaysia* 27(1–2): 155–178.
- Abu Hanifah Haris. 2018. Ulama dan Perjuangan Politik: Peranan Masyumi Terhadap Penuhanan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1947–1948. *Jurnal Perspektif* 10(3): 104–112.
- . 2014. Reaksi British terhadap kegiatan Majlis Agama Tertinggi (MATA) dan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1948–1949. *Malaysia dari Segi Sejarah* 42: 38–56.
- Ahmad Atory Hussain. 1998. *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu, 1990–2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmat Adam. 2014. *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azmi Ariffin. 2019. Darurat atau “perang kolonial” 1948 di Tanah Melayu: Satu perbahasan berdasarkan beberapa aliran pemikiran dan perspektif. *Kemanusiaan* 26(2): 53–80. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.3>
- . 2014. Local historians and the historiography of Malay nationalism 1945–57: The British, the United Malays National Organization (UMNO) and the Malay Left. *Kajian Malaysia* 32(1): 1–35.

- CO 537/3751. 1948a. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 8/1948. 30 April. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1948b. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 7/1948. 15 April. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1948c. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 9/1948. 15 May. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- CO 537/3752. 1948a. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 10/1948. 31 May. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1948b. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 13/1948. 15 July. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- CO 537/3753. 1948a. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 14/1948. 31 July. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1948b. *Malayan Security Service, political intelligence journal*. No. 15/1948. 15 August. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- CO 537/3754. 1948. *Pan-Malayan review of political and security intelligence*. No. 1/1948. 1 September. Part I, political intelligence review. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- FO 371/76000. 1949a. *Pan-Malayan review of political and security intelligence*. No. 19/1949. 14 September. Part I, political intelligence review. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1949b. *Pan-Malayan review of political and security intelligence*. No. 20/1949, 28 September. Part I, political intelligence review. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Hazman Baharom. 2021. Gerakan Islam dan cabaran demokrasi. In *Wacana pemikiran reformis*, ed. Ahmad Farouk Musa, vol. 3, 63–72. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Hussain Yaakub. 2000. *UMNO tidak relevan*. Kuala Lumpur: Mariah binti Jaafar.
- Ibnu Hasyim. 1993. *PAS kuasai Malaysia?: 1950–2000, sejarah kebangkitan dan masa depan*. Kuala Lumpur: GG Edar.
- Ibrahim Chik. 2004. *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen ke-10*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat. 2011. *Radikalisme Melayu Perak, 1945–1970*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamarul Afendey Hamimi and Ishak Saat. 2020. *Kaum Muda di Tanah Melayu, 1906–1957*. Perak, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Khoo, K.K. 2001. *Malay society: Transformation and democratisation*. Selangor, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Insun Sony Mustapha. 1999. *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan nasionalisme Melayu sebelum UMNO*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawarni Yahya. 1978/1979. Riwayat hidup al-Ustaz Haji Abu Bakar al-Baqir bin Haji Mohd Said (tokoh pejuang Islam). Academic project, Universiti Malaya.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934–1959*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlah Adam. 2019. *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938–1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 2004. *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russli Kamarudin. 1995. Perkembangan politik PAS di Kelantan: Suatu tinjauan. In *Perkembangan dan perubahan sosio-politik Kelantan 1955–1995*, ed. Mohamed Agus Yusoff, 129–148. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saliha Hj. Hassan. 1986. Dr. Burhanuddin Al Helmi, 1911–1969. *Jebat* 14: 153–182.
- Stockwell, A.J. 1979. *British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Utusan Melayu*. 1948a. 26 April. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1948b. 2 August. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.